

Mahathir: Kerajaan merasa wajar  
satu rancangan dirangka

# Alat ganti motor 2 roda patut dikeluar sendiri

**KUALA LUMPUR,** Selasa—Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan merasa wajar dan praktikal dirangka satu rancangan mengeluarkan sepenuhnya alat-alat ganti bagi kenderaan-kenderaan dua roda yang bermotor di negeri ini.

Ini disebabkan terhadnya jumlah buatan dan model kenderaan-kenderaan jenis itu dan besar pula jumlahnya yang

dipasang di negara ini.

Bagaimanapun, tambah beliau, kerajaan berpendapat masanya belum tiba untuk diadakan satu rancangan mengeluarkan bahan-bahan dan alat-alat ganti kenderaan bermotor yang lain secara tempatan sepenuhnya di negara ini.

Ini memandangkan corak perusahaan pemasangan kenderaan empat roda terdiri dari berbagai buatan dan model.

Timbalan Perdana Menteri merangkap

Menteri Perdagangan dan Perindustrian berucap di majlis makan malam yang pertama Pengilang-Pengilang Alat-Alat Komponen Automotif Malaysia, di sini malam tadi.

Tegas beliau, setiap usaha hendaklah dijalankan bagi menyesuaikan alat-alat ganti itu dengan beberapa jenis buatan dan model kenderaan yang biasa dilihat.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata lagi kerajaan telah menjalankan kajian teliti dan intensif mengenai keperluan mema-

jukan keupayaan tempatan mengeluarkan bahan-bahan dan alat-alat ganti kenderaan.

Langkah itu, tambah beliau, sudah pasti dapat membantu usaha kerajaan meningkatkan jangka perindustrian di negara ini.

Sambil berusaha ke arah itu, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir, kerajaan berharap dapat melihat pelaburan yang lebih besar dari sumber-sumber di dalam dan di luar negeri untuk mendapatkan teknologi sofistikated mengenai bahan-bahan dan alat-alat ganti, di samping memberi peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada rakyat.